

RT penting untuk memantau gejala

sosial
UM 28 JAN 2002
KUALA LUMPUR 27 Jan.

— Peranan Rukun Tetangga (RT) di sesebuah kawasan amat penting dalam memantau gejala sosial dan menjadi mata serta telinga kepada pihak berkuasa terutama dengan kehadiran terlalu ramai pendatang asing tanpa izin di negara ini.

Ahli Panel Perunding Perpaduan Masyarakat, Datuk Lee Lam Thye berkata, dengan wujudnya RT, mereka boleh memberi maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku kejadian jenayah dan masalah sosial di kawasan terbabit untuk diambil tindakan.

“Sebagai institusi sosial, Rukun Tetangga juga membantu usaha-usaha memupuk perpaduan kaum melalui kegiatan dan program bercorak kebajikan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Saranan

Beliau diminta mengulas mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya RT diperbanyakkan kerana ia mampu memupuk perpaduan kaum dan melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Perdana Menteri semasa berucap pada majlis Mega Perpaduan 2002 malam semalam juga menyatakan bahawa RT dapat berfungsi untuk memantau dan menyelesaikan isu-isu di peringkat akar umbi sebelum ia menjadi lebih buruk dan melarat.

Sehubungan itu, menurut Lee, penubuhan RT bukan sahaja perlu diperbanyakkan tetapi pada masa yang sama kawasan-kawasan baru perlu dikenali pasti supaya matlamat penubuhannya dapat dicapai.

Ini kerana, katanya, masih banyak kawasan perumahan terutama kawasan baru yang belum mempunyai RT.

Di samping itu, katanya, ahli RT perlu diberi peluang menghadiri lebih banyak kursus anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi meningkatkan pemahaman mereka mengenai tanggungjawab dan fungsi RT.